

NO. SOALAN: 268

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI  
MOHD. YASSIN [PAGOH]**

**RUJUKAN : 10417**

**SOALAN :**

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab kelewatan kelulusan penubuhan Pakatan Harapan yang telah dimohon pendaftarannya ke Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada 28 Julai 2017 yang lalu, nyatakan status pendaftaran penubuhan Pakatan Harapan dan apakah KPI Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dalam permohonan ini telah tercapai.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Permohonan pendaftaran parti Pakatan Harapan yang diterima pada 28 Julai 2017 masih dalam penelitian dan pertimbangan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) selaras dengan perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa. Bagi menjelaskan isu *Key Performance Index* (KPI) JPPM yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, dimaklumkan bahawa Jabatan ini tidak meletakkan sebarang KPI dalam memproses permohonan pendaftaran parti politik kerana JPPM merupakan sebuah agensi yang bertanggungjawab untuk mengawal selia pendaftaran pertubuhan dan parti politik. Oleh yang demikian, JPPM perlu meneliti setiap permohonan yang diterima bagi memastikan aspek keselamatan dan kepentingan awam terpelihara.